

Bil. S 46

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(KENDERAAN BERMOTOR (ALAT AMARAN LAJU)), 2002**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Pengenaan.
4. Alat amaran laju.
5. Pemasangan alat amaran laju.
6. Permohonan untuk kebenaran bagi alat amaran laju.
7. Kerja yang dijalankan oleh bengkel yang dibenarkan.
8. Pengarah membenarkan bengkel.
9. Kelengkapan ujian.
10. Kesalahan-kesalahan.

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(KENDERAAN BERMOTOR (ALAT AMARAN LAJU)), 2002**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Kenderaan Bermotor (Alat Amaran Laju)), 2002.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"alat amaran laju" bermakna suatu alat yang mengandungi sebarang lampu, pembaz, sensor laju, kabel hantaran dan sambungan elektrik yang sama-sama membentuk alat yang memberikan amaran visual dan audio kepada pemandu kenderaan yang dipasang dengan alat tersebut bahawa kelajuan kenderaan tersebut melebihi dari had laju bagi kenderaan itu;

"bengkel yang dibenarkan" bermakna sebuah bengkel yang dibenarkan oleh Pengarah di bawah peraturan 8 untuk memasang, membaiki, menentukur atau memateri alat amaran laju;

"had laju" bermakna kelajuan maksimum yang ditentukan dalam Jadual Pertama kepada Akta tersebut;

"kelajuan aktif" bermakna kelajuan sesebuah kenderaan yang dipasang di atasnya dengan lampu dan pembaz sebarang alat amaran laju pada kenderaan tersebut hendaklah masing-masing berkelip dan mengeluarkan bunyi pembaz.

Pengenaan.

3. (1) Peraturan-Peraturan ini dikenakan kepada —

(a) mana-mana kenderaan atau jenis atau perihalan kenderaan yang dimiliki oleh Kerajaan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pengarah dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*;

(b) kenderaan perkhidmatan barang-barang;

(c) kenderaan berat; dan

(d) kenderaan perkhidmatan awam.

(2) Peraturan-Peraturan ini tidak dikenakan kepada van roda tiga atau motosikal dengan kereta sisi dipasang padanya.

Alat amaran laju.

4. Setiap kenderaan yang dikenakan Peraturan-Peraturan ini hendaklah dipasang dengan alat amaran laju.

Pemasangan alat amaran laju.

5. (1) Alat amaran laju yang dipasang pada sesebuah kenderaan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah mengandungi —

(a) dua lampu kuning, dengan garis pusat sekurang-kurangnya 60 milimeter, yang dipasang di atas atap kenderaan tersebut pada kedudukan yang ditentukan oleh Pengarah, dengan kadar watt mentol lampu tidak kurang dari 25 watt;

(b) satu lampu panduan kuning, dengan garis pusat sekurang-kurangnya 4 milimeter, terletak di hadapan pemandu, yang boleh dilihat dengan jelas olehnya;

(c) pembaz di dalam kenderaan tersebut.

(2) Alat amaran laju hendaklah dari rekabentuk dan jenis yang dibenarkan oleh Pengarah.

(3) Alat amaran laju hendaklah dipasang demikian bahawa —

(a) apabila kenderaan yang dipasang dengan alat tersebut melebihi had laju bagi kenderaan itu —

- (i) lampu-lampu yang dipasang di atas atap kenderaan tersebut dan lampu panduan di hadapan pemandu akan berkelip-kelip; dan
- (ii) pembaz mengeluarkan bunyi amaran terputus-putus masing-masing pada 30 desibel dan 70 desibel; dan

(b) apabila kenderaan tersebut tidak bergerak dengan enjinnya hidup, lampu-lampu yang dipasang di atas atap kenderaan tersebut dan di hadapan pemandu menyala.

(4) Lampu-lampu yang dipasang di atas atap kenderaan tersebut boleh dilihat dengan jelas, apabila lampu-lampu tersebut menyala, pada setiap masa pada hari itu oleh orang lain yang menggunakan jalan raya dalam jarak 50 meter dari kenderaan tersebut.

(5) Semua sambungan elektrik yang terdedah bagi alat amaran laju hendaklah dibuat dari kabel sepaksi atau dari rekabentuk dan jenis yang dibenarkan oleh Pengarah.

(6) Alat amaran laju boleh dimateri bagi menegah sebarang pelarasan tanpa kebenaran dibuat pada kelajuan aktif kenderaan tersebut.

Permohonan untuk kebenaran bagi alat amaran laju.

6. (1) Suatu permohonan untuk kebenaran bagi alat amaran laju di bawah peraturan-peraturan kecil (2) dan (5) peraturan 5 hendaklah dibuat kepada Pengarah dan hendaklah disertakan dengan contoh alat itu berserta dengan perihalan dan lukisan mekanismenya yang terperinci.

(2) Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh menghendaki pemohon untuk mengadakan satu demonstrasi tentang pengendalian alat amaran laju yang akan dibuat oleh orang yang mengetahui aspek-aspek buatan dan teknikal alat tersebut.

(3) Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh melaksanakan ujian sebagaimana yang mungkin diputuskan oleh Pengarah untuk menentukan ketepatan alat amaran laju tersebut.

(4) Pengarah, setelah berpuas hati bahawa alat amaran laju tersebut menepati peraturan 5 dan telah lulus ujian yang disebut dalam peraturan kecil (3), hendaklah mengeluarkan surat kebenaran kepada pemohon dalam bentuk sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

Kerja yang dijalankan oleh bengkel yang dibenarkan.

7. Sebarang pemasangan, penentukuran, pembaikan atau pematerian alat amaran laju yang dipasang pada sesebuah kenderaan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dijalankan oleh bengkel yang dibenarkan.

Pengarah membenarkan bengkel.

8. (1) Pengarah boleh membenarkan sebuah bengkel untuk —

(a) memasang alat amaran laju pada sesebuah kenderaan menurut Peraturan-Peraturan ini;

(b) membaiki dan menentukur alat amaran laju tersebut; dan

(c) memateri alat amaran laju tersebut bagi menegah sebarang pelarasan tanpa kebenaran dibuat pada kelajuan aktif kenderaan itu atau sebarang pengusikan lain dibuat pada alat tersebut.

(2) Sebarang kebenaran tersebut hendaklah sah selama suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah dan boleh diperbaharui olehnya.

(3) Sebarang kebenaran tersebut boleh ditamatkan oleh Pengarah dengan notis kepada bengkel yang dibenarkan jika dia berpendapat bahawa bengkel yang dibenarkan tidak melaksanakan kerjanya dengan memuaskan, dan sebarang kebenaran yang disebut dalam notis itu hendaklah terhenti dari berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

Kelengkapan ujian.

9. Jika dikehendaki demikian oleh Pengarah, bengkel yang dibenarkan hendaklah membenarkannya untuk menggunakan kelengkapan bagi menguji alat amaran laju sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

Kesalahan-kesalahan.

10. (1) Alat amaran laju tidaklah boleh dipasang untuk digunakan pada sesebuah kenderaan melainkan jika alat tersebut telah dibenarkan oleh Pengarah.

(2) Tiada sesiapa pun boleh menjual, menawarkan untuk jualan atau membekalkan alat amaran laju melainkan jika alat tersebut telah dibenarkan oleh Pengarah.

(3) Tiada sesiapa pun boleh —

(a) melaraskan atau mengusik alat amaran laju atau sebarang kabel atau wayar yang bersangkutan dengan pengendaliannya dengan apa-apa cara yang menghalang alat tersebut dari dikendalikan menurut peraturan kecil (3) peraturan 5;

(b) memecahkan sebarang materi pada alat amaran laju, kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Pengarah; atau

(c) memandu sesebuah kenderaan yang dipasang dengan alat amaran laju di bawah Peraturan-Peraturan ini apabila alat tersebut rosak atau apabila sebarang materi pada alat tersebut dipecahkan, kecuali jika kenderaan itu dipandu semata-mata bagi maksud untuk menghantar alat tersebut ke bengkel yang dibenarkan untuk diperiksa, dibaiki atau dimateri semula.

(4) Pemilik sesebuah kenderaan yang dipasang dengan alat amaran laju di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah memastikan bahawa —

(a) alat amaran laju itu atau sebarang kabel atau wayar yang bersangkutan dengan pengendaliannya tidak dilaraskan atau diusik dengan apa-apa cara yang menghalang alat tersebut dari dikendalikan menurut peraturan kecil (3) peraturan 5;

(b) sebarang materi pada alat amaran laju itu tidak dipecahkan dan, jika materi tersebut dipecahkan, dia hendaklah dengan seberapa segera yang boleh menghantar kenderaan itu ke bengkel yang dibenarkan supaya alat tersebut diperiksa dan dimateri semula; dan

(c) pada setiap masa alat amaran laju itu adalah tepat dan berfungsi dengan betul.

(5) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang peruntukan peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$1,000.

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 22 haribulan Julai, 2002.

PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ZAKARIA BIN DATU MAHAWANGSA HAJI SULAIMAN
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.